

9 MEI 2017

Makmal proses dadah diserbu

[FOTO DANIAL SAAD/BH]

Ghee Lye (dua dari kiri) menunjukkan peralatan memproses serta dadah yang dirampas pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, Georgetown.

Makmal proses dadah diserbu

Georgetown: Intipan polis sejak beberapa minggu lalu berjaya membongkar kegiatan memproses dadah bernilai RM6.8 juta di sebuah rumah pangsa di Taman Paya Terubong, Air Itam, di sini, Jumaat lalu.

Dalam serbuan dilakukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri pada jam 10.30 pagi itu, polis turut menahan seorang lelaki berusia 50 tahun yang dipercayai penjaga makmal berkenaan.

Ketua Polis Negeri, Datuk Chuah Ghee Lye, berkata

hasil serbuan itu, polis menemui sebuah makmal haram memproses dadah selain merampas dadah dan peralatan digunakan untuk kegiatan berkenaan.

Rampas pelbagai jenis dadah

“Kita berjaya merampas sebanyak 13.92 kilogram (kg) dadah jenis heroin, syabu (20 kg), serbuk ecstasy (35.3 kg), cecair methamphetamine (33 liter), serbuk kafein (20 kg) dan peralatan memproses dadah.

“Anggaran keseluruhan

dadah berkenaan adalah RM6.8 juta dan sindiket dipercayai menjalankan operasi memproses dadah sejak sebulan lalu dan dipercayai untuk pasaran tempatan,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, di sini, semalam.

Beliau berkata, polis masih menjalankan siasatan untuk mengenal pasti sama ada sindiket berkenaan turut membabitkan beberapa individu lain atau dijalankan perseorangan.